

Sektor perhutanan terus jadi penyumbang ekonomi negeri

KUCHING: Sektor perhutanan terus menjadi penyumbang kukuh kepada pembangunan ekonomi dan antara sumber utama pendapatan Sarawak meskipun banyak kawasan sudah diteroka dan diusahakan dengan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah.

Setiap tahun, lebih suku daripada pendapatan keseluruhan negeri ini datang dari sektor itu dan ia dimanfaatkan sepenuhnya untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi faedah rakyat.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan, berkata sektor perhutanan turut menyediakan banyak peluang pekerjaan, bukan saja di kilang balak di bandar, malah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar terutama di kawasan berdekatan kem pembalakan.

"Sektor perhutanan terutama pembalakan memberi sumbangan besar menerusi pembayaran royalti dan levi. Setiap tahun, sektor ini dengan mudah menyumbang lebih satu perempat daripada pendapatan negeri.



Awang Tengah Ali Hassan

"Justeru, sehingga kini sektor perhutanan terus membantu meningkatkan status sosioekonomi rakyat negeri ini dengan menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Persatuan Pembalakan Sarawak (STA) dengan Universiti Lincoln, New Zealand di Wisma STA, di sini semalam.

MoU itu ditandatangani Datuk Wong Kie Yik bagi pihak STA dan Profesor Madya Dr Hugh Bigsby mewakili Universiti Lincoln. Ia membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama menjayakan penganjuran kursus peringkat diploma lanjutan dalam bidang pengurusan hutan tropika.

Awang Tengah berkata, sektor perhutanan juga secara tidak langsung memberi sumbangan dalam mengubah taraf hidup penduduk luar bandar terutama menyediakan jalan perhubungan menerusi laluan balak yang memudahkan penduduk keluar dari penempatan mereka untuk mendapatkan bekalan makanan, bahan api dan perubatan.

"Banyak juga kem pembalakan di negeri ini menyediakan kemudahan asas perubatan dan pendidikan, bukan saja untuk kakitangan mereka tetapi juga untuk dinikmati penduduk sekitar. Sehubungan itu, kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan kepada usaha meningkatkan tahap profesionalisme penguurusan hutan di negeri ini," katanya.

BERITA HARIAN / KHAMIS / 16.02 / 2012

M/S 2